



PRODUKTIVITI mereka yang menerima penderaan fizikal, lisan dan seksual di tempat kerja akan menurun disebabkan tiada jaminan keselamatan dan kesihatan psikologi. – GAMBAR HIASAN

Serangan fizikal, lisan, seksual catat 494 kes pada 2019

Kes kekerasan tempat kerja meningkat

KOSMO (11/5/2023) Page 6
Oleh MOHD. HUSNI MOHD NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan, kes kekerasan dalam kalangan warganya menunjukkan trend peningkatan sejak 2017.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kes kekerasan itu membabitkan apa jua bentuk sama ada serangan fizikal, lisan, seksual atau bertulis.

Katanya, sebanyak 167 kes kekerasan dilaporkan pada 2017 sebelum meningkat kepada 442 kes (2018) dan 494 kes pada 2019.

“Bagaimanapun, sebanyak 321 kes dilaporkan pada 2020 dan 260 kes dilaporkan pada 2021, terutama ketika fasa pandemik Covid-19,” katanya menerusi kenyataan sempena Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan semalam.

Katanya, gangguan kekerasan di tempat kerja boleh mengganggu produktiviti warga kerja KKM dan memberi kesan negatif terhadap keselamatan dan kesihatan psikologi serta fizikal pekerja.

Muhammad Radzi berkata, keadaan itu juga boleh menjejaskan

kuiliti penjagaan perubatan dan menyebabkan kerugian aspek perbelanjaan sektor kesihatan.

Dalam pada itu, KKM turut melancarkan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Kekerasan Terhadap Warga KKM Edisi ke-2. sebagai menambah baik garis panduan sebelum ini.

“Ia adalah penambahbaikan garis panduan sedia ada dari segi definisi, skop, pengendalian kes kekerasan dan proses notifikasi.

“Kami harap pelancaran garis panduan ini dapat mewujudkan tempat kerja selamat, sejahtera dan produktif,” katanya.